

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk memberi penjelasan berhubung dengan layanan cukai ke atas Orang yang Boleh Dikenakan Cukai (OBD) yang memeterai perjanjian petroleum di bawah satu perkongsian yang disifatkan sebagai perkongsian yang berterusan dan perkongsian yang memiliki dua atau lebih perjanjian petroleum di kawasan operasi berdampingan (dahulunya dikenali sebagai bersempadanan).

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan APCP yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, subseksyen 2(3), subseksyen 2(4) dan subseksyen 4(3) APCP.

3. Tafsiran

Istilah yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “*Barrel*” ertinya 42 gelen A.S. atau 9702 inci padu, yang bersamaan dengan 34.9726 gelen imperial;
- 3.2 “Kerugian larasan” ertinya kerugian larasan yang ditentukan mengikut APCP;
- 3.3 “Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) yang dirujuk dalam seksyen 67 APCP;
- 3.4 “Operasi petroleum” ertinya:
 - (a) mencari dan mendapat atau memperoleh petroleum dalam Malaysia oleh atau bagi mana-mana pihak untuk dirinya sendiri atau bersama dengan mana-mana orang lain melalui penggerudian, perlombongan, pengekstrakan atau operasi atau proses lain yang serupa, dalam perjalanan perniagaan yang dijalankan oleh orang tersebut yang terlibat dalam operasi tersebut dan semua operasi sampingan itu, dan apa-apa

penjualan atau pelupusan oleh atau bagi pihak orang tersebut petroleum yang telah didapat atau diperolehi dan termasuk pengangkutan oleh atau bagi pihak orang tersebut petroleum yang didapat atau diperolehi tersebut dalam Malaysia ke titik jualan (*point of sale*) atau titik penghantaran (*point of delivery*) atau titik eksport (*point of export*) tetapi tidak termasuk –

- (i) apa-apa pengangkutan petroleum di luar Malaysia;
- (ii) apa-apa proses penapisan atau pencairan petroleum;
- (iii) apa-apa urusan berkaitan produk hasil daripada penapisan atau pencairan petroleum; atau
- (iv) perkhidmatan berkaitan bekalan dan penggunaan pelantar, *derricks*, kapal tangki dan tongkang; dan

apa-apa jualan atau pelupusan oleh Petroliaam Nasional Berhad dalam Malaysia ke atas petroleum yang diperolehi dari luar Malaysia termasuk pengangkutan dalam Malaysia oleh Petroliaam Nasional Berhad atau bagi pihaknya, ke mana-mana titik jualan atau penghantaran dalam Malaysia;

3.5 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu perkongsian atau badan orang yang lain dan perbadanan tunggal;

3.6 “Orang yang Boleh Dikenakan Cukai” ertinya –

- (i) Petroliaam Nasional Berhad,
- (ii) Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand,
- (iii) berkaitan dengan setiap perjanjian petroleum, mana-mana orang lain yang menjalankan operasi petroleum di bawah perjanjian petroleum tersebut,

secara berasingan;

3.7 “Pendapatan berkanun” ertinya pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut APCP;

3.8 “Pendapatan larasan” ertinya pendapatan larasan yang ditentukan mengikut APCP;

- 3.9 “Perjanjian petroleum” ertinya perjanjian untuk mengeksplorasi, mencarigali atau melombong petroleum yang dimeterai antara Petrolia Nasional Berhad atau Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand dengan mana-mana orang di mana pihak-pihak itu berkongsi apa-apa pengeluaran atau keuntungan petroleum yang diperolehi;
- 3.10 “Perkongsi” ertinya suatu persatuan atau perkiraan dalam apa-apa bentuk (termasuk tetapi tidak terhad kepada usaha sama, sindiket dan kes di mana pihak dalam persatuan atau perkiraan adalah suatu perkongsi) antara pihak yang bersetuju untuk berkongsi hak, kuasa, harta, tenaga kerja atau kemahiran bagi tujuan untuk menjalankan operasi petroleum dan berkongsi hasil petroleum atau keuntungan yang terbit daripada sumber petroleum itu;
- 3.11 “Petroleum” ertinya apa-apa minyak galian atau hidrokarbon yang berkaitan dan gas asli yang berada dalam keadaan aslinya dan *casinghead petroleum spirit* termasuk syil bitumen dan lapisan mendak yang lain yang daripadanya minyak boleh didapati;
- 3.12 “Tahun taksiran” ertinya tahun kalendar.

4. Pengenalan

- 4.1 Operasi petroleum di Malaysia dijalankan oleh satu kontraktor atau perkongsi yang terdiri daripada dua atau lebih kontraktor dalam suatu perjanjian petroleum.
- 4.2 Kontraktor dalam perjanjian petroleum boleh berubah disebabkan oleh aktiviti *farm-out/farm-in* di dalam sesebuah *Production Sharing Contract* (PSC).
- 4.3 Secara amnya, prinsip percukaian ke atas perkongsi berterusan dan perkongsi bagi kawasan berdampingan telah dihuraikan di dalam Ketetapan Umum No. 7/2023 yang bertajuk Pencukaian Petroleum Huluan – Bahagian I yang boleh dimuat turun di portal Hasil di www.hasil.gov.my.

5. Perkongsian Berterusan

5.1 Secara umumnya, kebanyakan operasi petroleum di Malaysia dijalankan secara perkongsian mengikut tempoh operasi yang ditetapkan dalam perjanjian petroleum. Walau bagaimanapun, kontraktor dalam perjanjian petroleum mungkin akan berubah sepanjang tempoh perjanjian petroleum tersebut dengan persetujuan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS).

5.2 Merujuk kepada subseksyen 2(3) APCP, di mana terdapat perubahan kontraktor dalam satu perkongsian pada bila-bila masa dalam tempoh perjanjian petroleum dan sekurang-kurangnya satu kontraktor asal daripada perkongsian yang memeterai perjanjian petroleum itu masih kekal sebagai ahli dalam perkongsian tersebut, maka kedua-dua perkongsian ini, iaitu perkongsian yang diganti dan perkongsian yang menggantikan, hendaklah disifatkan sebagai satu perkongsian yang berterusan.

5.3 Aktiviti *farm-out/ farm-in* dalam perjanjian petroleum

5.3.1 Perubahan kontraktor dalam perkongsian boleh berlaku disebabkan oleh aktiviti seperti yang berikut:

(a) *farm-out* iaitu tindakan menjual atau memindahkan sebahagian atau keseluruhan hak atau kepentingan kontraktor dalam perjanjian petroleum kepada kontraktor lain; atau

(b) *farm-in* iaitu tindakan membeli atau memperoleh sebahagian atau keseluruhan hak atau kepentingan kontraktor dalam perjanjian petroleum daripada kontraktor lain.

Keadaan ini boleh berlaku berulang kali sepanjang tempoh perjanjian petroleum.

5.3.2 Satu atau lebih kontraktor asal daripada perkongsian yang memeterai perjanjian petroleum itu melakukan aktiviti *farm-out/ farm-in* sebahagian atau keseluruhan kepentingannya dalam perjanjian petroleum dan sekurang-kurangnya satu kontraktor asal masih kekal sebagai kontraktor dalam perkongsian tersebut, maka perkongsian itu disifatkan sebagai satu perkongsian berterusan. Oleh itu, layanan cukai ke atas

perkongsian tersebut adalah sama seperti sebelum aktiviti *farm-out/ farm-in* berlaku.

Contoh 1

Vitos Carigali Sdn. Bhd. (VCSB) dan Achilles Oil Co. Ltd. (AOCL) adalah kontraktor yang menjalankan aktiviti mengeksplorasi dan mengeksploitasi sumber petroleum negara secara perkongsian.

VCSB dan AOCL telah memeterai perjanjian petroleum dengan PETRONAS bagi menjalankan operasi petroleum dalam kawasan perjanjian Blok PM39 di luar pesisir Malaysia pada 1.1.2020 dan dinamakan sebagai VCSB/AOCL - Blok PM39 PSC bagi tempoh 30 tahun. Tempoh perakaunan Blok PM39 PSC ditutup pada 31 Disember setiap tahun. Penyertaan kepentingan bagi setiap kontraktor adalah sebanyak 70% (VCSB) dan 30% (AOCL).

Blok PM39 PSC telah membuat jualan pertama pada 1.5.2023. Jumlah pengeluaran minyak mentah bagi tempoh 1.5.2023 hingga 31.12.2023 adalah sebanyak 3 juta *barrel*, manakala kemampuan pengeluaran yang dijangkakan pada masa hadapan bagi Blok PM39 PSC adalah sebanyak 57 juta *barrel*.

Pengiraan cukai pendapatan petroleum Blok PM39 PSC bagi tahun taksiran 2023 adalah seperti yang berikut:

Butiran	VCSB	AOCL	Jumlah
	RM ('000)	RM ('000)	RM ('000)
Pendapatan Kasar	332,500	142,500	475,000
Tolak: Perbelanjaan Dibenarkan			
Perbelanjaan Operasi	(298,900)	(128,100)	(427,000)
*Perbelanjaan Eksplorasi yang layak (PEYL)	(105,000)	(45,000)	(150,000)
Jumlah Perbelanjaan Dibenarkan	(403,900)	(173,100)	(577,000)
Tolak: Jumlah perbelanjaan (terhad kepada pendapatan kasar)	(332,500)	(142,500)	(475,000)

Butiran	VCSB	AOCL	Jumlah
	RM ('000)	RM ('000)	RM ('000)
Pendapatan Berkanun	-	-	-
Kerugian yang tidak dapat diserap hantar hadapan (h/h)	(71,400)	(30,600)	(102,000)

*Sila rujuk pengiraan PEYL seperti jadual di bawah.

Pengiraan PEYL di bawah Jadual Pertama, APCP bagi tahun taksiran 2023:

Butiran	VCSB	AOCL		JUMLAH PEYL
	RM ('000)	RM ('000)	RM ('000)	RM ('000)
Tempoh berakhir 31.12.2020	84,000	36,000		120,000
Tempoh berakhir 31.12.2021	140,000	60,000		200,000
Tempoh berakhir 31.12.2022	126,000	54,000		180,000
*Tempoh 1.1.2023 – 31.12.2023	70,000	30,000		100,000
Jumlah	420,000	180,000		600,000
Elaun Permulaan (10%)	42,000	18,000	60,000	
Elaun Tahunan				
$\left[\frac{3 \text{ juta barrel}}{(3 \text{ juta} + 57 \text{ juta}) \text{ barrel}} \right]$				
x RM 600,000,000				
= RM30,000,000	21,000	9,000		
atau;				
15% x RM600,000,000				
=RM 90,000,000				
Yang mana lebih tinggi	63,000	27,000	90,000	

Butiran	VCSB	AOCL		JUMLAH PEYL
	RM ('000)	RM ('000)	RM ('000)	RM ('000)
Tolak: PEYL bagi tahun taksiran 2023			150,000	(150,000)
Baki PEYL h/h pada 31.12.2023				450,000

*tempoh fasa eksplorasi dan fasa pengeluaran bagi tahun 2023

Elaun Modal di bawah Jadual Kedua, APCP bagi tahun taksiran 2023:

Butiran	VCSB	AOCL	Jumlah
	RM ('000)	RM ('000)	RM ('000)
Elaun modal tahun semasa	2,100	900	3,000
Tolak: Elaun modal diserap tahun semasa	-	-	-
Elaun modal h/h pada 31.12.2023	2,100	900	3,000

Berdasarkan kepada pengiraan cukai tahun taksiran 2023, layanan percukaian ke atas perkongsian berterusan adalah seperti yang berikut:

- baki hantar hadapan PEYL berjumlah RM450 juta di bawah Jadual Pertama, APCP pada 31.12.2023 boleh dibawa ke hadapan sebagai baki bawa hadapan pada 1.1.2024;
- elaun modal yang tidak diserap berjumlah RM3 juta bagi tahun taksiran 2023 boleh dibawa ke hadapan pada 1.1.2024; dan
- kerugian larasan berjumlah RM102 juta bagi tahun taksiran 2023 boleh dibawa ke hadapan untuk ditolak dengan pendapatan berkanun bagi tahun taksiran 2024.

Contoh 2

Fakta sama seperti **Contoh 1**.

Pada 30.6.2024, AOCL melupuskan hak sepenuhnya kepada Komho Oil Co. Ltd. (KOCL). Penyertaan kepentingan bagi setiap kontraktor adalah sebanyak 70% (VCSB) dan 30% (KOCL).

Bagi tempoh 01.01.2024 hingga 31.12.2024, jumlah pengeluaran minyak adalah sebanyak 5 juta *barrel*. Keupayaan pengeluaran yang dijangkakan pada masa hadapan bagi Blok PM39 PSC adalah sebanyak 60 juta *barrel*.

Pengiraan cukai pendapatan petroleum VCSB/KOCL – Blok PM39 PSC bagi tahun taksiran 2024 adalah seperti yang berikut:

Butiran	VCSB	KOCL	Jumlah
	RM ('000)	RM ('000)	RM ('000)
Pendapatan Kasar	868,511	372,219	1,240,730
Tolak: Perbelanjaan Dibenarkan			
Perbelanjaan operasi	(364,700)	(156,300)	(521,000)
*PEYL (Jadual Pertama , APCP)	(47,250)	(20,250)	(67,500)
Jumlah Perbelanjaan Dibenarkan	411,950	176,550	588,500
Pendapatan Larasan	456,561	195,669	652,230
Tolak: Elaun modal	(3,850)	(1,650)	(5,500)
Pendapatan Berkanun	452,711	194,019	646,730
Tolak: Rugi b/h	(71,400)	(30,600)	(102,000)
Pendapatan yang boleh ditaksir	381,311	163,419	544,730
Tolak: Sumbangan tunai kepada institusi yang diluluskan	(1,200)	-	(1,200)
Pendapatan yang dikenakan cukai	380,111	163,419	543,530

*Sila rujuk pengiraan PEYL seperti jadual di bawah.

Pengiraan PEYL di bawah Jadual Pertama, APCP bagi tahun 2024:

Butiran	VCSB	AOCL	KOCL		JUMLAH PEYL
	RM ('000)	RM ('000)	RM ('000)	RM('000)	RM ('000)
Baki b/b PEYL pada 1.1.2024	315,000	135,000			450,000
Penyerahan baki PEYL AOCL kepada KOCL	0	(135,000)	135,000		
Jumlah	315,000	0	135,000		450,000
Elaun Permulaan (10%)	0	0	0	0	

Butiran	VCSB	AOCL	KOCL		JUMLAH PEYL
	RM ('000)	RM ('000)	RM ('000)	RM('000)	RM ('000)
Elaun Tahunan $\left[\frac{5 \text{ juta barrel}}{(5 \text{ juta} + 60 \text{ juta}) \text{ barrel}} \right]$ $\times \text{RM}450,000,000$ $= \text{RM}34,615,385$ atau $15\% \times \text{RM}450,000,000$ $= \text{RM} 67,500,000$	24,231	0	10,385		
Yang mana lebih tinggi	47,250	0	20,250	67,500	
Tolak: PEYL bagi tahun taksiran 2024				67,500	(67,500)
Baki PEYL h/h pada 31.12.2024					382,500

Baki h/h PEYL di bawah Jadual Pertama, APCP pada 31.12.2024 boleh dibawa sebagai baki b/b pada 01.01.2025.

Elaun Modal di bawah Jadual Kedua, APCP bagi tahun taksiran 2024:

Butiran	VCSB	KOCL	Jumlah
	RM ('000)	RM ('000)	RM ('000)
Elaun modal b/b	2,100	900	3,000
Elaun modal tahun semasa	1,500	1,000	2,500
Jumlah	3,600	1,900	5,500
Tolak: Elaun modal diserap tahun semasa	(3,600)	(1,900)	(5,500)
Elaun modal h/h	-	-	-

Berdasarkan contoh di atas, perkongsian masih berterusan walaupun AOCL telah keluar daripada perjanjian petroleum dan KOCL menjadi rakan kongsi baharu bersama VCSB dalam perjanjian petroleum tersebut. Perkongsian ini

masih dianggap sebagai satu perkongsian yang berterusan kerana VCSB yang merupakan kontraktor asal masih kekal dalam perjanjian petroleum tersebut dan aktiviti *farm-out/ farm-in* berlaku dalam tempoh perjanjian petroleum.

Baki PEYL, elaun modal dan kerugian larasan AOCL boleh dibenarkan di bawa hadapan oleh rakan kongsi baharu KOCL pada tahun 2024 kerana perkongsian dianggap satu perkongsian yang berterusan.

- 5.4 Apabila perjanjian petroleum yang dimeterai oleh kontraktor tunggal melakukan aktiviti *farm-out* sebahagian kepada kontraktor lain, maka perjanjian petroleum asal dianggap tamat dan dianggap sebagai suatu perkongsian yang baharu. Baki PEYL, elaun modal dan kerugian larasan yang tidak diserap tidak dibenarkan dibawa ke hadapan.
- 5.5 Sekiranya satu atau lebih kontraktor asal daripada perkongsian yang memeterai perjanjian petroleum itu melakukan aktiviti *farm-out* keseluruhan kepentingannya dalam perjanjian petroleum dan hanya satu kontraktor yang tinggal dalam perjanjian petroleum tersebut, maka perjanjian petroleum asal dianggap tamat. Isu perkongsian berterusan tidak timbul kerana tiada lagi perkongsian wujud. Baki PEYL, elaun modal dan kerugian larasan yang tidak diserap tidak dibenarkan dibawa ke hadapan.

Contoh 3

Falkene Carigali Sdn. Bhd. (FCSB) telah memeterai perjanjian petroleum dengan PETRONAS bagi menjalankan operasi petroleum dalam kawasan perjanjian Blok SK6 di luar pesisir Malaysia pada 1.1.2015 dan dinamakan sebagai FCSB - Blok SK6 PSC bagi tempoh 20 tahun. Tempoh perakaunan Blok SK6 PSC ditutup pada 31 Disember setiap tahun. Penyertaan kepentingan FCSB adalah sebanyak 100%. Blok SK6 PSC telah membuat jualan pertama pada 30.06.2018.

Pada 01.01.2022, FCSB telah melupuskan 40% penyertaan kepentingannya dalam FCSB - Blok SK6 PSC kepada Viking Oil Co. Ltd. (VOCL). Oleh itu, peratus penyertaan kepentingan dalam perjanjian petroleum mulai 01.01.2022 adalah 60% (FCSB) dan 40% (VOCL).

Pengiraan cukai pendapatan petroleum FCSB – Blok SK6 PSC bagi tahun taksiran 2021 adalah seperti yang berikut:

Butiran	FCSB	
	RM ('000)	RM ('000)
Pendapatan Kasar		550,000
Tolak: Perbelanjaan Dibenarkan		
Perbelanjaan Operasi	(593,000)	
PEYL (Jadual Pertama, APCP)	(70,000)	
Jumlah Perbelanjaan Dibenarkan	(663,000)	
Kerugian larasan tahun semasa digunakan terhadap kepada pendapatan kasar)	<u>550,000</u>	(550,000)
Pendapatan Berkanun	-	
Kerugian larasan yang tidak dapat diserap h/h	(113,000)	-

PEYL di bawah Jadual Pertama, APCP bagi tahun taksiran 2021:

Butiran	RM ('000)	RM ('000)
Baki PEYL b/b pada 01.01.2021		280,000
Elaun Permulaan dan Elaun tahunan bagi tahun semasa 2021	70,000	
Tolak: PEYL bagi TT 2021	70,000	(70,000)
Baki PEYL h/h pada 31.12.2021		210,000

Elaun Modal di bawah Jadual Kedua, APCP bagi tahun taksiran 2021:

Butiran	RM ('000)
Elaun modal tahun semasa	3,000
Tolak: Elaun modal diserap tahun semasa	-
Elaun modal h/h pada 31.12.2021	3,000

Berdasarkan contoh di atas, perjanjian petroleum asal, FCSB – Blok SK6 PSC dianggap tamat dan perkongsian baharu FCSB/VOCL - Blok SK6 PSC telah wujud. Isu perkongsian berterusan tidak timbul kerana pada asalnya blok ini adalah kontraktor tunggal dan bukannya satu perkongsian. Oleh itu, layanan cukai ke atas FCSB/VOCL - Blok SK6 PSC adalah seperti berikut:

- (a) baki hantar hadapan PEYL berjumlah RM210 juta di bawah Jadual Pertama, APCP pada 31.12.2021 tidak dibenarkan dibawa ke hadapan sebagai baki bawa hadapan pada 01.01.2022;
- (b) elaun modal yang tidak diserap berjumlah RM3 juta bagi tahun taksiran 2021 tidak dibenarkan dibawa ke hadapan untuk ditolak dengan pendapatan larasan bagi tahun taksiran 2022; dan
- (c) kerugian larasan berjumlah RM113 juta bagi tahun taksiran 2021 tidak dibenarkan dibawa ke hadapan untuk ditolak daripada pendapatan berkanun bagi tahun taksiran 2022.

6. Perkongsian Bagi Kawasan Berdampingan


- 6.1 Merujuk kepada subperenggan 2(4)(a)(i) APCP, sekiranya sebuah perkongsian yang menjalankan operasi petroleum di bawah dua atau lebih perjanjian petroleum dan kawasan di bawah perjanjian tersebut adalah berdampingan, maka operasi petroleum di kawasan tersebut disifatkan sebagai dijalankan di bawah satu perjanjian petroleum.
- 6.2 Mulai tahun taksiran 2024, subperenggan 2(4)(a)(i) APCP telah dipinda bagi menentukan status berdampingan ke atas mana-mana perjanjian petroleum di mana perkongsian tersebut mestilah terdiri daripada orang yang sama (*original parties*) bagi setiap perjanjian petroleum dalam kawasan berdampingan tersebut.
- 6.3 Selain itu juga, kawasan perjanjian petroleum yang berdampingan hanya terpakai kepada kawasan-kawasan yang berdampingan atau peluasan kawasan di bawah perjanjian petroleum yang sama, yang telah wujud sebelum perubahan ahli-ahli perkongsian seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 2(3) APCP.
- 6.4 Suatu PSC boleh memohon dua atau lebih perjanjian petroleum untuk diberi layanan sebagai satu perjanjian petroleum dalam keadaan kawasan-kawasan perjanjian petroleumnya adalah berdampingan sekiranya kontraktor kepada perjanjian petroleum tersebut adalah orang yang sama dalam perkongsian tersebut.

- 6.5 Permohonan untuk kawasan berdampingan baharu kepada kawasan berdampingan sedia ada hendaklah dibuat oleh suatu PSC yang mana ahli perkongsian tersebut adalah ahli perkongsian asal yang sama.
- 6.6 Permohonan tersebut hendaklah dikemukakan dan diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN).
- 6.7 Layanan percukaian ini adalah terpakai kepada permohonan di perenggan 6.5 dan tiada perubahan ke atas status berdampingan PSC sedia ada yang telah pun mendapat kelulusan sebelum tarikh pindaan dikuatkuasakan.

Contoh 4


Mentari Energy Sdn Bhd (MESB) dan Dinamik Padu Sdn Bhd (DPSB) telah memeterai perjanjian petroleum dengan PETRONAS pada 15.06.2018 bagi menjalankan operasi petroleum secara perkongsian di kawasan Blok SK M PSC di luar pesisir Malaysia untuk tempoh operasi selama 30 tahun.

Pada 21.01.2022, MESB dan DPSB telah memeterai satu lagi perjanjian petroleum baharu bagi Blok SK N PSC yang berdampingan dengan Blok SK M PSC yang mempunyai sempadan yang sama berdasarkan kepada koordinat blok seperti yang dinyatakan dalam perjanjian petroleum. Oleh itu, kedua-dua perjanjian petroleum ini dianggap dijalankan di bawah satu perjanjian petroleum yang berdampingan kerana memenuhi syarat di bawah subperenggan 2(4)(a)(i) APCP.




Contoh 5

Fakta yang sama seperti **Contoh 4**. Pada 17.04.2024, MESB dan Bunga Raya Sdn Bhd (BRSB) telah memeterai satu perjanjian petroleum baharu bagi Blok SK L PSC dan berdampingan dengan Blok SK M PSC. Blok SK L PSC mempunyai sempadan sama berdasarkan kepada koordinat blok seperti yang dinyatakan dalam perjanjian petroleum.



Walaupun kedua-dua blok SK M dan SK L adalah berdampingan, kedua-dua perjanjian petroleum ini tidak boleh dianggap dijalankan di bawah satu perjanjian petroleum kerana tidak memenuhi syarat di bawah subperenggan 2(4)(a)(i) APCP. BRSB bukan merupakan ahli kongsi asal dan juga bukan perkongsian yang sama dengan Blok SK M PSC. Oleh itu, Blok SK L PSC dianggap tidak berdampingan dengan Blok SK M PSC walaupun kedudukan blok adalah berdampingan berdasarkan koordinat blok tersebut.

Contoh 6



Fakta sama seperti **Contoh 5**. Pada 02.06.2025, satu perjanjian petroleum baharu telah dimeterai di antara MESB, DPSB dan BRSB bagi Blok SK O PSC dan berdampingan dengan Blok SK N PSC. Blok SK O PSC mempunyai sempadan yang sama berdasarkan kepada koordinat blok seperti yang dinyatakan dalam perjanjian petroleum.

Walaupun kedua-dua blok SK N dan SK O adalah berdampingan, operasi petroleum tidak boleh dianggap sebagai dijalankan di bawah satu perjanjian petroleum kerana tidak memenuhi syarat di bawah subperenggan 2(4)(a)(i) APCP. Ahli kongsi asal dalam sesuatu perkongsian mestilah kontraktor yang sama bagi melayakkan status berdampingan antara blok-blok tersebut.

7. Penentuan Pendapatan bagi Perjanjian Petroleum di bawah Kawasan yang Berdampingan

- 7.1 Secara umumnya penentuan pendapatan bercukai daripada operasi petroleum oleh mana-mana orang selain daripada PETRONAS atau MTJA, hendaklah ditentukan secara berasingan mengikut setiap perjanjian petroleum.
- 7.2 Berdasarkan kepada subseksyen 4(3) APCP, layanan di perenggan 7.1 tidak terpakai ke atas suatu perkongsian bagi perjanjian petroleum yang berdampingan. Pendapatan bagi kesemua perjanjian petroleum di bawah kawasan perjanjian petroleum yang berdampingan dianggap sebagai satu pendapatan OBD dalam kawasan berdampingan tersebut.
- 7.3 Jika sesuatu kawasan berdampingan di bawah suatu perjanjian petroleum diserahkan kepada PETRONAS atau MTJA oleh suatu perkongsian yang menjalankan operasi petroleum dalam kawasan tersebut, maka operasi petroleum yang melibatkan kawasan berdampingan berkenaan tetap disifatkan sebagai berdampingan dan dianggap dijalankan di bawah satu perjanjian petroleum selaras dengan subperenggan 2(4)(a)(ii) APCP.
- 7.4 Mulai tahun taksiran 2024, penentuan pendapatan juga adalah terpakai ke atas perjanjian petroleum yang berdampingan untuk terus menggunakan *remaining tax attributes* (kerugian perniagaan, elaun modal dan perbelanjaan eksplorasi yang layak yang belum diserap) dari PSC yang telah tamat tempoh

atau bagi mana-mana kawasan perjanjian yang diserahkan balik kepada PETRONAS atau MTJA.

- 7.5 Sekiranya terdapat dua atau lebih perjanjian petroleum yang berlainan fasa (eksplorasi dan pengeluaran) di dalam suatu perjanjian petroleum yang berdampingan, perbelanjaan eksplorasi bagi perjanjian petroleum di fasa eksplorasi hendaklah dituntut di bawah subseksyen 16(5) APCP sementara perbelanjaan operasi petroleum di fasa pengeluaran dituntut di bawah subseksyen 15(1) APCP.
- 7.6 Ini bermaksud, perbelanjaan eksplorasi bagi perjanjian petroleum di fasa eksplorasi dan dalam perjanjian petroleum yang berdampingan, hanya layak dituntut mengikut peruntukan di bawah Jadual Pertama, APCP sebagai PEYL kerana jualan pertama belum dilakukan. PEYL yang terkumpul dituntut oleh OBD.

Contoh 7

Selembar Petroleum Sdn. Bhd. (SPSB) dan Ilham Tenaga Sdn Bhd (ITSB) memeterai perjanjian petroleum dengan PETRONAS bagi menjalankan operasi petroleum dalam kawasan perjanjian di luar pesisir Malaysia (Blok SB1 PSC) pada 30.06.2018. Selain itu juga, SPSB dan ITSB memeterai satu lagi perjanjian petroleum di Blok SB2 PSC pada 12.12.2021. Kedua-dua PSC adalah berdampingan serta terletak bersebelahan di antara satu sama lain dan didaftarkan sebagai SPSB/ITSB - Blok SB1/Blok SB2 Contiguous PSC .

Blok SB1 PSC telah melaporkan pengeluaran pertama pada 31.01.2021, manakala Blok SB2 PSC masih di fasa eksplorasi sehingga tahun 2024. Tempoh perakaunan SPSB/ITSB - Blok SB1 dan SB2 Contiguous PSC ditutup pada 31 Disember setiap tahun.

Maklumat tambahan:

- | | |
|--------------------------------------|--------------------------|
| (a) Peratusan penyertaan kepentingan | : SPSB (60%); ITSB (40%) |
| (b) Elaun Modal Jadual Kedua, APCP | : SPSB – RM18,000,000 |
| | : ITSB – RM 12,000,000 |
| (c) Baki PEYL bawa bawah 01.01.2024 | : RM111,000,000 |
| (d) Anggaran pengeluaran 2024 | : 5 juta <i>barrel</i> |

(e) Keupayaan pengeluaran yang dijangkakan : 60 juta *barrel*

Penyata Kewangan Blok SB1 PSC
Tempoh: 01.01.2024 – 31.12.2024

Butiran	SPSB	ITSB	Jumlah
	RM	RM	RM
Pendapatan kasar	246,387,200	164,258,134	410,645,334
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan (seksyen 15 & 16 APCP)			
<i>Research Cess</i>	(1,292,921)	(861,947)	(2,154,868)
<i>Abandonment Cess Fund</i>	(9,567,805)	(6,378,537)	(15,946,342)
<i>Supplemental payment</i>	(15,376,566)	(10,251,044)	(25,627,610)
<i>Administrative & Operational</i>	(136,587,547)	(91,058,365)	(227,645,912)
PEYL (Jadual Pertama, APCP)	(11,573,995)	(7,715,997)	(19,289,992)
Jumlah Perbelanjaan Dibenarkan	(174,398,834)	(116,265,890)	(290,664,724)
Pendapatan Larasan	71,988,366	47,992,244	119,980,610
Tolak: Elaun Modal (Jadual Kedua, APCP)	(18,000,000)	(12,000,000)	(30,000,000)
Pendapatan Berkanun	53,988,366	35,992,244	89,980,610

Penyata Perbelanjaan Eksplorasi Blok SB2 PSC
Tempoh: 01.01.2024 – 31.12.2024

Butiran	SPSB	ITSB	Jumlah
	RM	RM	RM
<i>Seabed Studies</i>	5,182,800	3,455,200	8,638,000
<i>LD seismic survey</i>	3,576,600	2,386,400	5,963,000
<i>Geological Analysis</i>	3,424,200	2,282,800	5,707,000
<i>Reprocessing Data</i>	20,344,200	13,562,800	33,907,000

Butiran	SPSB	ITSB	Jumlah
	RM	RM	RM
<i>Rigs Rental</i>	690,000	460,000	1,150,000
<i>Processing Data, Interpretation & Supervision</i>	5,563,800	3,709,200	9,273,000
<i>Special geophysical studies</i>	38,784,600	25,856,400	64,641,000
<i>Administrative & Operational</i>	7,410,000	4,940,000	12,350,000
Jumlah	84,976,200	56,652,800	141,629,000

Pengiraan PEYL di bawah Jadual Pertama, APCP bagi Blok SB2 PSC bagi tahun taksiran 2024:

Butiran	SPSB	ITSB		JUMLAH PEYL
	RM	RM	RM	RM
Baki PEYL b/b pada 01.01.2024	66,600,000	44,400,000		111,000,000
PEYL pada tahun taksiran 2024	84,976,200	56,652,800		141,629,000
Jumlah PEYL	151,576,200	101,052,800		252,629,000
Elaun permulaan (10%)	15,157,740	10,105,160	25,262,900	
Elaun Tahunan:				
5 juta <i>barrel</i> (5 juta + 60 juta) <i>barrel</i>				
X RM252,629,000				
= RM19,433,000	11,659,800	7,773,200		

Butiran	SPSB	ITSB		JUMLAH PEYL
	RM	RM	RM	RM
atau 15% x RM252,629,000 =RM 37,894,350 yang mana lebih tinggi Tolak: PEYL bagi tahun taksiran 2024	22,736,610	15,157,740	37,894,350 63,157,250	 (63,157,250)
Baki PEYL h/h pada 31.12.2024				189,471,750

**KONSULTASI AWAM: PENCUKAIAN PETROLEUM HULUAN –
PERKONGSIAN BERTERUSAN DAN BERDAMPINGAN**

Pengiraan Cukai SPSB/ITSB - Blok SB1 dan SB2 Contiguous PSC bagi tahun taksiran 2024:

Details	SB1			SB2			TOTAL PSC		
	SPSB	ITGB	Total SB1	SPSB	ITGB	Total SB2	SPSB	ITGB	TOTAL
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Gross Income	246,387,200	164,258,133	410,645,333	0	0	0	246,387,200	164,258,133	410,645,333
Allowable Expenditure (Sections 15 & 16 of the PITA)									
Research Cess	(1,292,921)	(861,947)	(2,154,868)	0	0	0	(1,292,921)	(861,947)	(2,154,868)
Abandonment of Cess Fund	(9,567,805)	(6,378,537)	(15,946,342)	0	0	0	(9,567,805)	(6,378,537)	(15,946,342)
Supplemental Payment	(15,376,566)	(10,251,044)	(25,627,610)	0	0	0	(15,376,566)	(10,251,044)	(25,627,610)
Administrative & Operational	(136,587,547)	(91,058,365)	(227,645,912)	0	0	0	(136,587,547)	(91,058,365)	(227,645,912)
Total Allowable Expenditure	(162,824,839)	(108,549,893)	(271,374,732)	0	0	0	(162,824,839)	(108,549,893)	(271,374,732)
Less: QEE (First Sch of the PITA)	(11,573,995)	(7,715,997)	(19,289,992)	(37,894,350)	(25,262,900)	(63,157,250)	(49,468,345)	(32,978,897)	(82,447,242)
Adjusted Income/ Adjusted Loss	71,988,366	47,992,243	119,980,609	-	-	-	34,094,016	22,729,343	56,823,359
Less: CA (Second Sch of the PITA)	(18,000,000)	(12,000,000)	(30,000,000)	-	-	-	(18,000,000)	(12,000,000)	(30,000,000)
Statutory Income	53,988,366	35,992,243	89,980,609	-	-	-	16,094,016	10,729,343	26,823,359
Less: Losses brought forward (b/f)							0	0	0
Assessable Income							16,094,016	10,729,343	26,823,359
Less: Gift of money to an approved institution							(250,000)	(175,000)	(425,000)
Chargeable Income							15,844,016	10,554,343	26,398,359
Petroleum income tax (38%)							6,020,726.08	4,010,650.34	10,031,376.42

8. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Konsultasi Awam: Draf KU Conti